


Lina Ceritera

DYTM RAJA MUDA PERLIS

1

MELBOURNE, AUSTRALIA



Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) menyumbangkan RM4000 kepada pihak NGO "Mercy Mission Madinah : Madinah -Next-" yang sangat aktif melaksanakan pelbagai aktiviti dakwah dan kemasyarakatan kepada masyarakat Muslim tempatan di Melbourne, Australia.

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merangkap Yang DiPertua MAIPs berkenan menyerahkan sumbangan agihan zakat tersebut kepada wakilnya Munir Abdella selepas berangkat menunaikan solat Jumaat di Drill Hall, Multicultural Hub, Melbourne.


Berangkat sama ialah anakanda baginda Syed Sirajuddin Areeb Putra Jamalullail.

Turut hadir Konsul Muda di pejabat Konsulat Jeneral Malaysia Melbourne, Muhamad Nadzri bin Abdullah Sani.

Sementara itu, dalam program berasingan pada petang yang sama dihadiri oleh Konsul Jeneral Malaysia di Melbourne Westmoreland Palon dan pegawai Education Malaysia Australia (EMA) di Melbourne Siti Hasmah Abd Talib, MAIPs turut memperuntukkan RM4000 untuk tujuan kegunaan aktiviti dakwah yang akan diamanahkan kepada pihak pengurusan Dewan Malaysia di Melbourne yang terletak di K4 High Street Windsor.

Pada kesempatan tersebut, Tuanku Syed Faizuddin Putra menitahkan bahawa :

1. Golongan ilmuwan agama haruslah ikhlas dalam usaha mendamaikan sebarang perselisihan dan polemik yang berlaku dalam kalangan umat Islam.
2. Para ilmuwan Islam bertanggungjawab dalam usaha memberikan panduan yang bertepatan dengan kehendak al-Quran dan as-Sunnah. Seterusnya, bersikap terbuka dan berbincang dengan kembali merujuk kepada dua sumber utama ini, merupakan kunci dalam usaha mencari solusi yang tepat dan benar.
3. Umat Islam juga hendaklah mengurus perbezaan pendapat tentang agama dengan ilmu yang benar dan sah.



2

WASPADA TAKTIK PENIPU INTERNET

- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menitah nasihatkan agar :
1. Masyarakat di negara ini sentiasa berwaspada dengan pelbagai taktik penipuan melalui internet yang semakin canggih.
 2. Masyarakat juga harus sedar bahawa jenayah penipuan khususnya secara dalam talian yang menjanjikan pelbagai tawaran menguntungkan dan cepat yang tidak masuk akal sering menjadi taktik dan umpan sebahagian pihak untuk mengaut keuntungan.

Demikian titah baginda yang juga merangkap Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) selepas berkenan menyerahkan sumbangan zakat MAIPs sebanyak RM5000 yang diamanahkan kepada pihak pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Melbourne, Australia untuk tujuan "Tabung Ibnu Sabil" yang boleh digunakan bagi membantu masyarakat Malaysia yang terkandas atau menghadapi kecemasan.

Konsul Jeneral Malaysia Westmoreland Palon dan Konsul Muda, Muhamad Nadzri bin Abdullah Sani menerima sumbangan agihan zakat tersebut

daripada baginda bagi pihak pejabat Konsulat dalam satu majlis ringkas di Somerset on Elizabeth, Melbourne.

3. Titah baginda, "Tabung berkenaan merupakan salah satu inisiatif MAIPs dalam usaha membantu masyarakat yang memerlukan bantuan segera untuk pulang ke tanah air dalam situasi kecemasan."
4. Baginda turut mengingatkan orang awam agar sentiasa peka terhadap pelbagai penipuan yang berlaku dan segera melaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sekiranya mendapati diri sudah teraniaya.
5. Tuanku Syed Faizuddin Putra juga melahirkan kerisauan apabila terdapat segelintir masyarakat yang terlalu mudah terpedaya dengan pelbagai penipuan di internet sehinggalah ada yang terkandas di negara orang akibat terlalu percaya sebagai contoh dengan peluang pekerjaan yang dijanjikan.
6. Itu belum mengambil kira dengan kes masyarakat yang terpedaya dengan jenayah melalui internet yang jauh lebih besar dan memudaratkan seperti membawa barang-barang terlarang, pemerdagangan manusia ataupun terlibat dengan kumpulan pengganas atau radikal.

3

PENGUMPULAN DANA

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) menyumbangkan RM6000 kepada Persatuan Kampung Utara Melbourne (KUM) yang sangat aktif melaksanakan pelbagai aktiviti bagi menjalin ukhawah Islamiah dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya di Melbourne, Australia.

Kampung Utara Melbourne atau ringkasnya KUM, ialah sebuah pertubuhan Melayu Islam yang tidak meraih keuntungan, yang ditubuhkan pada tahun 2009, dan kemudiannya diwartakan secara rasmi sebagai sebuah persatuan pada April 2016 khusus untuk memenuhi keperluan masyarakat Melayu Islam sekitar 100 buah keluarga yang berasal dari Malaysia dan pemastautin di bahagian utara Melbourne.

Pertubuhan ini dibentuk bagi menyediakan wadah sosial untuk keluarga yang baru berhijrah ke sana, dan maklumat lanjut boleh diperolehi daripada laman sosial: www.kum.org.au atau pun melalui Facebook @ [kampungutaramelbourne](https://www.facebook.com/kampungutaramelbourne).

Sejak 2009, masyarakat KUM telah mengadakan pelbagai aktiviti bagi keluarga, belia dan kanak-kanak, termasuklah aktiviti yang berunsurkan keagamaan dan program pembangunan minda, serta akhlak untuk belia. Antaranya, KUM juga pernah mengundang beberapa tokoh agama dari Malaysia, seperti Mufti Perlis, Datuk Dr. Mohd Asri Zainul Abidin dan Dr. Rozaimi Ramle bagi mengadakan siri ceramah agama yang dihadiri orang-orang Melayu dari seluruh Melbourne.

KUM juga mengadakan pelbagai aktiviti pengumpulan dana bagi menampung pembiayaan bangunan baharu KUM yang dikenali sebagai KUM Centre di alamat 1/38 Zakwell Court, Coolaroo 3048 Victoria.

KEAZAMAN, KEMAHUAN DAN KESUNGGUHAN

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menitahkan kata-kata perangsang kepada kontinjen lumba basikal Malaysia yang sedang berlatih di Melbourne, Australia sebagai persiapan terakhir bagi menghadapi temasya Sukan SEA Kuala Lumpur ke-29:

1. Baginda menitahkan mereka supaya memberikan sepenuh tumpuan, mematuhi segala arahan jurulatih dan mendapatkan rehat yang mencukupi untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang bentuk kecederaan.
2. Pastikan mereka mengambil makanan dan diet yang betul. Janganlah sewenang-wenangnya mengambil sebarang ubatan atau makanan tambahan (suplemen) yang mungkin mengandungi dadah atau bahan yang terlarang. Sentiasalah merujuk doktor atau pakar pemakanan jika terdapat sebarang keraguan.
3. Sukan berbasikal merupakan antara "lombong emas" bagi negara terutamanya dalam acara trek yang sentiasa menjadi antara penyumbang utama pingat kepada Malaysia. Jadi, teruslah melangkah ke arah itu dan rebutlah seberapa banyak pingat yang mampu. Malaysia sebagai tuan rumah perlu menjadi juara keseluruhan. Selain itu, sukan berbasikal haruslah menyumbangkan seberapa banyak butir pingat emas yang mungkin.
4. Menurut baginda, Sukan SEA bukanlah satu-satunya yang menjadi sasaran mereka. Mereka harus pergi lebih jauh daripada itu. Azizulhasni dan Josiah Ng telah pun membuktikannya. Mereka memenangi pingat di kejohanan peringkat dunia. Perlu untuk terus-menerus bekerja keras dan tidak mengenal erti putus asa dengan semangat dan slogan "Malaysia Boleh!" serta "Bangkit Bersama".
5. Velodrom Nasional tertutup di Nilai yang baru dibina akan menjadi venue utama dan diadakan pertandingan rasmi kali pertama di sana. Para peminat ingin melihat mereka mempamerkan aksi terbaik. Oleh itu, jangan hampakan semua harapan peminat sukan negara.

Demikian titah baginda ketika meluangkan masa untuk melawat dan menyaksikan pasukan berbasikal



ATLET CEMERLANG

Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) Perlis menganugerah pelumba basikal wanita negara Anis Amira Rosidi dengan Anugerah Pingat Cemerlang Yayasan Tuanku Syed Putra 2017.

Anis Amira 19 tahun, merupakan anak kelahiran Perlis berasal dari Taman Aman Kangar yang pernah menuntun di SK Seri Indera dan SMK Syed Hassan Kangar menerima sebutir pingat, sijil penghargaan dan wang tunai bernilai RM3000 daripada YTSP Perlis.

Antara ahli sukan lain yang pernah menerima anugerah yang sama sebelum ini termasuklah pemain bola sepak Bakri Ibrani dan Yusri Che Lah, pelumba basikal Jupha Somnet dan Paralimpian negara Abdul Latif Romly.

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga merangkap Pengerusi YTSP Perlis berkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut di Velodrome Darebin International Sports Centre, Melbourne, Australia.

Baginda diiringi anakanda-anakanda, iaitu Puteri Sharifah Farah Adriana Jamalullail dan Syed Sirajuddin Areeb Putra Jamalullail.

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merangkap Yang DiPertua MAIPs berkenan menyerahkan sumbangan agihan zakat tersebut kepada pengerusinya Jafni Wahid dalam satu majlis menghadap hormat di sana baru-baru ini.

Pada kesempatan tersebut, Tuanku Syed Faizuddin Putra menitahkan bahawa :

1. Masyarakat Muslim Malaysia tidak kira di mana-mana jua mereka berada hendaklah menjadi umat contoh khususnya di negara yang umat Islamnya adalah minoriti.
2. Umat Islam di Malaysia sentiasa dipandang tinggi oleh bangsa lain kerana ketinggian nilai budi dan pekerti selain terkenal sebagai umat Islam yang progresif dan produktif.
3. Baginda turut menjemput masyarakat Malaysia di luar negara untuk sentiasa tampil dengan cadangan dan saranan yang baik kepada pihak yang berkenaan untuk dilaksanakan di Malaysia.

Menurut baginda, pihak KUM sedang mempertimbangkan prospek untuk menghantar beberapa orang guru-gurunya menghadiri program "Train The Trainers" di Centre of Sunnah Perlis dan kursus-kursus jangka pendek yang bersijil.

Tuanku Raja Muda Perlis mengalu-alukan wakil daripada KUM turut serta dalam program Perkampungan Sunnah setiap tahun dan juga mengadakan satu bengkel khas di Perlis untuk berkongsi pengalaman dengan menggunakan kepakaran dan jaringan ahlinya terutamanya dalam aspek keusahawanan.

Tuanku Syed Faizuddin Putra turut dipersembahmaklumkan tentang pelbagai aktiviti dakwah yang dilaksanakan oleh masyarakat Melayu Islam di Melbourne walaupun merupakan masyarakat minoriti di negara ini, tetapi ingin sama-sama memainkan peranan penting dalam pembangunan ummah.



Malaysia berlatih di Velodrome, Darebin International Sports Centre, Melbourne, Australia.

TuanKu Syed Faizuddin Putra turut berkenan menyerahkan sumbangan bersempena dengan Aidilfitri daripada pihak Yayasan TuanKu Syed Putra (YTSP) Perlis sebanyak RM500 kepada setiap seorang di antara 10 pelatih negara yang berada di Melbourne.

Baginda diiringi anakanda-anakanda, iaitu Puteri Sharifah Farah Adriana Jamalullail dan Syed Sirajuddin Areeb Putra Jamalullail.

Turut hadir Konsul Jeneral Malaysia di Melbourne Westmoreland Palon dan Jurulatih Pasukan Kebangsaan, John Beasley.

TuanKu Syed Faizuddin Putra sendiri yang merupakan seorang peminat sukan berbasikal turut menambah bahawa:

1. Mereka patut berbangga kerana dalam 32 juta rakyat Malaysia, mereka antara yang terhebat.
2. Pernahkah terlintas di benak pemikiran mereka pada waktu kayuhan pertama kali ketika berusia lima atau

enam tahun yang pada suatu hari nanti mereka akan menjadi yang terbaik antara jutaan rakyat Malaysia?

3. Berjuta-juta rakyat mengimpikan untuk mewakili negara. Tetapi mengapakah mereka sahaja yang berada di sini (Melbourne)?

Apa-apa yang membezakan mereka dengan yang lain ialah keazaman, kemahuan dan kesungguhan mereka.

Dengan niat ikhlas, mereka telah mengetepikan segala kehendak nafsu seperti anak-anak muda lain demi cita-cita mereka dan Allah SWT telah mengabdikan cita-cita murni mereka untuk menyarung jersi yang tersematnyanya Jalur Gemilang kebangsaan negara kita.

Jagoan negara Mohd Azizulhasni Awang yang juga dikenali sebagai 'The Pocket Rocket Man' dalam laman sosial beliau menyatakan bahawa beliau dan rakan-rakannya amat besar hati menerima kunjungan baginda ke tempat latihan mereka di Melbourne dan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas sokongan dan titah semangat daripada TuanKu untuk persiapan mereka ke Sukan SEA ke-29 di Kuala Lumpur.